

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

9. Terangkan secara terperinci tentang perkembangan usaha pencalonan Pulau Pinang dalam makanan jalanan UNESCO.
- (a) Nyatakan cabaran dan masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam usaha mencapai sasaran tersebut.
 - (b) Apakah tindakan mitigasi yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pencalonan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Pulau Pinang sebagai permulaan usaha untuk mencalonkan Kebudayaan Penjaja Pulau Pinang ke dalam Senarai Perwakilan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Kemanusiaan UNESCO (*Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity*) di bawah *UNESCO Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural Heritage (2003)*. Bagi tujuan ini, Pejabat PETACH sedang menyediakan kertas kerja penubuhan jawatankuasa yang akan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan.
- (a) Isu dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pencalonan kebudayaan penjaja adalah seperti berikut:
 - (i) Mendapatkan komitmen dan kerjasama tertinggi daripada semua pihak yang terlibat. Di bawah konvensyen UNESCO, sebarang proses pencalonan

harus melibatkan penyertaan daripada komuniti, kumpulan dan individu yang berkaitan dalam perlindungan warisan tidak ketara;

- (ii) Mengiktiraf kebudayaan penjaja sebagai warisan negara. Hal ini kerana hanya unsur warisan kebudayaan tidak ketara yang telah diiktiraf sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] akan dipertimbangkan untuk dicalonkan ke peringkat UNESCO. Oleh itu, pencalonan kebudayaan penjaja hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Warisan Negara terlebih dahulu; dan
 - (iii) Mendapatkan penglibatan dan persetujuan komuniti di mana ia adalah salah satu syarat bagi pencalonan seperti diperincikan dalam artikel-11 dan artikel-15 Konvensyen dan Arahan Operasi. Pihak pencalonan mesti mendapat sokongan yang berterusan daripada komuniti dan individu yang berkenaan, termasuk penjaja berlesen dan tidak berlesen, wakil pertubuhan penjaja, pembekal, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya. Proses ini dijangka akan mengambil masa lima (5) tahun.
- (b) Tindakan mitigasi yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pencalonan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Pulau Pinang bagi menyelaras usaha-usaha pencalonan Kebudayaan Penjaja Pulau Pinang;
 - (ii) Demi memastikan pencalonan ini dapat dijalankan dengan lancar, Kerajaan Negeri akan mendapatkan persetujuan sebulat suara daripada para penjaja sebelum memulakan apa-apa kerja pencalonan;
 - (iii) Kerajaan Negeri juga akan mengkaji keperluan mewujudkan Pelan Strategik Perlindungan Warisan Kebudayaan Tidak Ketara di Negeri Pulau Pinang. Merujuk kepada artikel 11, 12, 13 (a) dan artikel-29 Konvensyen, serta artikel 1.2 dalam Arahan Operasi,

pelan perlindungan dengan langkah-langkah yang telah diambil dari segi perundangan, pengawalseliaan dan lain-lain dalam pelaksanaan konvensyen tersebut merupakan salah satu syarat yang perlu dipenuhi untuk pencalonan. Pelan strategik ini juga dapat menetapkan pelaksanaan secara holistik bagi menjamin perlindungan dan pembangunan warisan tidak ketara kekal mampan dan sesuai untuk rakyat Pulau Pinang; dan

- (iv) Mengadakan perbincangan secara berterusan untuk mendapatkan pandangan daripada para penjaja di samping memberi pendedahan kepada mereka dalam menangani kebimbangan mereka terhadap urusan pencalonan Kebudayaan Penjaja Pulau Pinang.